



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 31 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI BANTU 106 AHLI PPK TERJEJAS BANJIR, NEGARA, KOSMO -16 MAFI PRIHATIN BANTU 15,500 KELUARGA, NASIONAL, SINAR AHAD -14 SALLEH TAK WUJUD!, LOKAL, METRO AHAD -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5.	JADI ORANG TENGAH BANTU PENTERNAK, XPRESI, METRO AHAD -35 INISIATIF SENDIRI TAMBAH ILMU, XPRESI, METRO AHAD -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8.	MAQIS RAMPAS KEJU BERNILAI RM39,700, LOKAL, METRO AHAD -16 MAQIS RAMPAS KEJU DARI NEW ZEALAND BERNILAI RM39,712, NEGERI PAHANG/N9/JOHOR, SINAR AHAD -33 MAQIS JOHOR RAMPAS 2,080KG KEJU TIADA SIJIL KESIHATAN, NASIONAL, BH AHAD -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	MOHIN BANTUAN BINA KANDANG LEMBU BAHARU, NASIONAL, BH AHAD -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (IPV)
10. 11. 13.	35,000 HEKTAR SAWAH 'HILANG', MUKA DEPAN, MINGGUAN MALAYSIA -1 JANGAN GANGGU SAWAH PADI, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -2 PENYUSUTUAN KELUASAN PADI SUDAH LAMA BERLAKU, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14.	BERSEDIA HADAPI KRISIS MAKANAN, PANORAMA, KOSMO AHAD -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



RONALD menyempurnakan majlis penyerahan bantuan barangan keperluan kepada 106 ahli PPK di Beluran semalam.

MAFI bantu 106 ahli PPK terjejas banjir

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) semalam menyalurkan bantuan barangan keperluan bernilai RM23,400 kepada seramai 106 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Beluran, Sabah yang terjejas akibat banjir melanda daerah itu baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan kementerian itu, misi MAFI Prihatin ke Sabah adalah bagi meringankan beban penduduk di negeri itu yang menjadi mangsa banjir khususnya membabitkan petani, penternak dan nelayan.

“Program itu dimulakan di daerah Beluran yang disempurnakan oleh Menteri MAFI yang juga Ahli Parlimen Beluran, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee

pada majlis penyerahan bantuan di Pejabat PPK Beluran hari ini (semalam).

“Bantuan tersebut berupa keperluan makanan diserahkan kepada LPP Sabah melalui PPK Beluran dan diagihkan kepada 106 ahli PPK Beluran di Kampung Pinangkau seramai 33 orang, Sungai-Sungai (38 orang) dan Kelagan Jaya (35 orang),” jelas kenyataan itu semalam.

Katanya, misi MAFI Prihatin dilancarkan pada 21 Januari lalu di Wisma Tani Putrajaya melibatkan penghantaran bantuan keperluan makanan, barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas ke empat kawasan parlimen di Pahang iaitu Lipis, Jerantut, Kuala Krau dan Maran.

MAFI Prihatin bantu 15,500 keluarga

Terkesan dengan bencana banjir dan pelaksanaan PKP

BELURAN

Seramai 15,500 keluarga yang terkesan dengan banjir dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Parlimen Beluran akan dibantu melalui inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), MAFI Prihatin.

Menyeri, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Parlimen Beluran yang terdiri daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Sugut, Telupid dan Labuk merupakan kawasan pertama bagi pelaksanaan program

berkenaan di Sabah sejak dilancarkan pada 21 Januari lalu.

"Program ini merupakan usaha bersama pelbagai agensi di bawah MAFI dan Pejabat Parlimen Beluran serta pejabat DUN berkenaan.

"Kita akan usahakan pengagihan ke daerah lain (di Sabah) kerana program ini berterusan dan dana juga sedang dikumpulkan agar lebih ramai yang terkesan akan menerima manfaat," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Bantuan Banjir MAFI Prihatin Parlimen Beluran di sini pada Sabtu.

Pada majlis itu, seramai 106 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran dari tiga kampung iaitu Kampung Pinnangkau, Kampung Sungai Jaya dan Kampung Kelagan Jaya menerima bantuan makanan MAFI Prihatin berupa beras



Kiandee (tengah) melihat beras yang akan disumbangkan kepada mangsa banjir sewaktu menghadiri majlis MAFI Prihatin di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran pada Sabtu.

Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA).

Kiandee yang merupakan Ahli Parlimen Beluran turut menyampaikan kenderaan pacuan empat roda sempena Program Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRE) di bawah Program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan kepada PPK Beluran untuk kegunaan di lapangan.

Beliau berkata, kementeriannya sedang menilai laporan kerugian yang dialami masyarakat petani akibat bencana banjir di seluruh Malaysia.

Menurut beliau, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM80 juta untuk dana bencana alam di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). - Bernama

sebut ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan

serta bahan makanan kering dengan nilai keseluruhan RM23,000.

Selain Lembaga Pertubuhan Peladang, agensi yang menjalankan program di Beluran ter-

COP PALSU BERAS SELUDUP

SALLEH TAK WUJUD!

Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Cop palsu tertera perkataan Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) digunakan untuk mengaburi mata pihak berkuasa daripada aktiviti penyeludupan beras di Kelantan.

Cop rasmi berkenaan yang tidak lagi digunakan untuk kelulusan permit pemindahan beras sejak setahun lalu membongkar kegiatan seorang lelaki yang ditahan Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) di Tanah Merah Kelantan, Khamis lalu. Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Azman

Mahmood berkata, satu cop berkenaan menggunakan nama Mohammad Salleh kononnya sebagai pembantu penguat kuasa juga didapati palsu kerana semakan menunjukkan tiada nama kakitangan dimaksudkan. Katanya, ia digunakan sebagai bukti kebenaran pihak berkuasa setiap kali melalui sekatan jalan raya dan ia dipercayai berlanjutan sejak beberapa bulan lalu.

"Semakan turut mendapati, lelaki itu adalah pemborong menggunakan cop palsu untuk lepas dari pemeriksaan pihak berkuasa. "Namun, kita tidak lagi menggunakan cop itu kerana sistem baru adalah secara online," katanya.

"Namun, kita tidak lagi menggunakan cop itu kerana sistem baru adalah secara online," katanya.

Guna cop tertera perkataan Mafi kaburi pihak berkuasa daripada aktiviti seludup beras

talian, bukan lagi manual. "Satu lagi cop yang kita temui adalah nama pengedar, kononnya di mana beras itu akan dihantar. Ini adalah tindakan yang salah dan kita akan ambil tindakan menyelaraskan serta memborong," katanya.

Kelmarin Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) menemui sebuah stor menyimpan sejumlah beras seludup di Kampung Bending Buyong, Jalan Jedok, Tanah Merah, Kelantan.

Turut ditahan dua lelaki berusia 24 dan 41 tahun dipercayai pemilik serta penjaga stor tersebut.

Penahanan itu membongkar kegiatan penyimpanan

lokal



22 TAN BERAS COP DIPALSU

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

22 tan beras palsu seludup rasmi Mafi dituntut oleh pihak berkuasa.

LAPORAN Harian Metro, semalam.

beras seludup di sekitar pangkalan haram sempadan Malaysia-Thailand yang berdekatan stor tersebut. Dalam serbuan itu, PGA turut merampas 45 tan beras dipercayai diseludup di sempadan negara.


"Kami ucapkan terima kasih kepada PGA dengan tangkapan itu hasil risikan selama dua hari. Banyak lagi lokasi kita akan gempur dalam masa terdekat," katanya.

sempadan negara. "Kami ucapkan terima kasih kepada PGA dengan tangkapan itu hasil risikan selama dua hari. Banyak lagi lokasi kita akan gempur dalam masa terdekat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2021	METRO AHAD	XPRESI	35



TERNAKAN udang kara memiliki potensi untuk berkembang



TEKNOLOGI Internet of Things (IoT) untuk memantau kualiti air dengan telefon pintar



PENJAGAAN udang kara lebih mudah.



MENGUNAKAN Re-Circulating Aquaculture System.

JADI ORANG TENGAH BANTU PENTERNAK

Syarikat milik Suhaidy satunya-satunya hab pengumpulan dan tumpuan penternakan udang kara di negara ini

AGRO

Oleh Muhamad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

Bermula sekadar hobi, kini dia dan isteri mampu berbangga dengan ternakan udang kara yang diusahakan sejak lapan tahun lalu apabila mula membuah hasil.

Apa tidaknya, syarikat SMaju Agro Venture yang diusahakan Suhaidy Shuib, 36, dan isterinya, Aishah Zakariah, 36, di Hulu Langat, Selangor kini menjadi satunya-satunya hab pengumpulan dan tumpuan penternakan udang kara di negara ini di bawah Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Selangor. Menerusi keluasaan

0.4 hektar, sebanyak 74 tangki disediakan untuk menempatkan udang kara dengan nama saintifiknya *Cherax Quadricarinatus* atau lebih dikenali 'red claw' menggunakan Re-Circulating Aquaculture System (RAS).

Suhaidy yang bertugas sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan SMaju Agro Venture berkata, pada mulanya dia memelihara pelbagai hidupan akuatik seperti ikan arowana dan ikan kap sebagai hobi kemudian tercetus idea untuk menjana pendapatan sampingan menerusi hobi terbabit.

"Selepas membuat kajian, pada 2013, saya berjumpa seorang guru dari Melaka yang memberi tunjuk ajar dan membuka mata bahawa udang kara memiliki potensi besar.

"Kemudian saya buat keputusan untuk meletak jawatan sebagai penjawat awam dan fokus dengan ternakan udang kara," katanya ketika ditemui

baru-baru ini.

Menurutnya, pada mulanya dia hanya bermula dengan 100 udang kara yang dipelihara di kediamannya.

"Hanya menggunakan simpanan sedia ada dan bantuan ibu bapa sebagai modal, saya mulakan ternakan di rumah.

"Kemudian saya berpindah ke sini (Hulu Langat) dan memperoleh geran menerusi Program Agropreneur Muda Pada 2019 saya dapat geran daripada Jabatan Perikanan dan LPP Selangor untuk menjadi hab pengumpulan serta tumpuan penternakan udang kara," katanya.

Mengulas lanjut, menerusi kerjasama yang dijalankan dengan Jabatan Perikanan dan LPP Selangor ini, pihaknya menjadi orang tengah membantu penternak udang kara lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



standard (SOP) biosekuriti yang dikeluarkan Jabatan Perikanan.

"Selain itu, saya berjumpa ramai orang lama kerana daripada pengalaman mereka, kita dapat pelajari banyak perkara yang tiada dalam buku dan internet," katanya.

Bukan setakat itu, beliau juga menjalin kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan udang kara.

"Menerusi kerjasama ini, kami berjaya menghasilkan palet khas untuk udang kara yang akan dipasarkan dalam masa terdekat.

"Selain itu, kami bekerjasama dengan Fakulti Bioreknologi dan Sains Biomolekul dan Institut Biosains UPM untuk keluaran kit ujian (masih fasa pembangunan prototaip) pengesanan penyakit udang kara yang diketuai Prof Madya Dr Mariatulqabiah Abdul Razak," katanya.

Beliau turut menyediakan produk hiliran sendiri dengan membuka tempahan untuk pelbagai jenis masakan udang kara termasuk 'Buttermilk', 'Dried Chillies' dan 'Butter Garlic'.

"Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami hanya buka tempahan secara pandu lalu dan penghantaran ke rumah," katanya.

Ditanya perancangan masa hadapan, katanya, dia mahu meletakkan udang kara sebagai spesies yang diiktiraf sebagai produk bernilai tinggi supaya mudah dipasarkan kepada industri.

"Untuk syarikat, saya merancang jadikan kawasan ini sebagai kawasan agropelancongan supaya masyarakat lebih mengetahui mengenai udang kara," katanya.



DARI MUKA 35

"Menerusi peruntukan dan teknikal, kami membeli ternakan udang kara termasuk benih daripada penternak lain dengan syarat yang ditetapkan untuk dipasarkan pada harga yang dipersetujui.

"Kita juga jalankan Projek Entrepreneur Ternakan Udang Kara Selangor (PETUKAR Selangor) bersama Pertubuhan Peladang Kawasan Hulu Langat untuk lahirkan belia Selangor mencubai bidang ternakan akuakultur dan melahirkan penternak asuhan SMaju Agro Venture," katanya.

Menurutnya, udang kara lebih mudah dipelihara biarpun tinggal di kawasan bandar.

"Udang kara menggunakan air tawar, jadi ia tidak menjadi masalah untuk diternak biarpun di belakang di rumah dan ruang yang terhad.

"Bagaimanapun, pemahaman kualiti air dan penyakit juga penting untuk pastikan udang kara dalam keadaan baik," katanya.

Jelasnya, untuk lebih memahami mengenai udang kara, beliau banyak mengambil inisiatif sendiri dengan mendekati pelbagai pihak untuk mendalami ilmu ternakan.

"Saya kerap ke Jabatan Perikanan, untuk faham secara am mengenai penternakan hidupan air tawar dan prosedur operasi

INISIATIF SENDIRI TAMBAH ILMU

Suhaidy kerap ke Jabatan Perikanan untuk fahami secara am penternakan hidupan air tawar dan SOP biosekuriti



PALET yang dihasilkan dengan kerjasama UPM.

Kami bekerjasama dengan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul serta Institut Biosains UPM untuk keluaran kit ujian (masih fasa pembangunan prototaip) pengesanan penyakit udang kara

SUHAIIDY

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2021	METRO AHAD	LOKAL	16

Maqis rampas keju bernilai RM39,700

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas keju dari New Zealand seberat dua tan bernilai lebih RM39,700 dibawa sebuah lori di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, jam 7 malam kelmarin.

Pengarahnya, Nur Afifah A Rahman berkata, pemeriksaan mendapati keju ter-

babit tidak mempunyai sijil kesihatan sah dari negara asal sebagaimana yang diperlukan dalam syarat permit import ditetapkan Maqis.

“Dagangan itu dipercayai untuk pasaran tempatan. Pemandu lori berumur 39 tahun dilepaskan selepas direkodkan keterangannya,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.



MAQIS Johor merampas keju dari New Zealand yang dibawa sebuah lori di Bangunan Sultan Iskandar, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/N9/JOHIR	33

Maqis rampas keju dari New Zealand bernilai RM39,712

JOHOR BAHRU- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor menahan satu konsainmen yang membawa keju dari New Zealand di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini pada Jumaat.

Pengarahnya, Nur Afifah A Rahman berkata, pemeriksaan rutin yang dilakukan Pegawai Penguat Kuasa Maqis mendapati keju seberat 2,080 kilogram (kg) itu tidak mempunyai sijil kesihatan sah dari negara asal.

“Keju yang dirampas dianggarkan bernilai RM39,712 semasa pegawai Maqis menjalankan pemeriksaan di laluan lori BSI.

“Mereka mendapati keju seberat 2,080kg itu tidak mempunyai sijil kesihatan sah yang diperlukan Maqis. Sehubungan itu barangan dagangan itu



Maqis merampas satu konsainmen yang membawa keju dari New Zealand setelah didapati tidak mempunyai sijil sah kesihatan di laluan lori di BSI, Johor Bahru pada Jumaat.

dirampas manakala pemandu berusia 39 tahun dilepaskan selepas keterangannya diambil,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Difahamkan keju berkenaan bagi kegunaan pasaran tempatan.

Nur Afifah berkata, kes disiasat di bawah seksyen 15(1)

Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana tidak mematuhi syarat import.

“Jika sabit kesalahan pihak bertanggungjawab boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya.



Keju dari New Zealand yang tiada sijil kesihatan dirampas di BSI, malam kelmarin.

MAQIS Johor rampas 2,080kg keju tiada sijil kesihatan

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor merampas 2,080 kilogram (kg) keju dari New Zealand yang tidak mempunyai sijil kesihatan di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini, malam kelmarin.

Pengarah MAQIS Johor, Nur Afifah A Rahman, berkata pihaknya menahan sebuah lori membawa bahan makanan itu dalam pemeriksaan rutin dijalankan penolong penguat kuasa jabatan berkenaan, pada jam 7 malam.

Katanya, pemeriksaan mendapati keju dianggarkan bernilai RM39,712.25 itu tidak mempunyai sijil kesihatan yang sah dari negara asal seperti yang diperlukan dalam syarat permit import MAQIS.

"Kita percaya barang dagangan itu untuk pasaran tempatan. Bagaimanapun, pemandu lori berusia 39 tahun yang membawa keju berkenaan dilepaskan selepas diambil keterangannya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Nur Afifah berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana tidak mematuhi syarat import sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen atau perakuan.

"Jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan enam tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, denda maksimum RM150,000 atau penjara maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa komited melakukan pemeriksaan dan akan terus memantau semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

Mohon bantuan bina kandang lembu baharu

Projek diusahakan 13 wanita buah hasil, jumlah ternakan bertambah

Oleh Mohd Rashidi Yusof
bhnews@bh.com.my

Lenggong: Bermula dengan hanya enam lembu ketika memulakan projek penternakan kira-kira tujuh tahun lalu, usaha gigih sekumpulan 13 wanita membuahkan hasil apabila jumlah ternakan mereka kini mencapai 35 ekor.

Projek penternakan dan padang ragut di Kampung Chepor itu dimulakan pada 2014 melalui penubuhan sebuah persatuan diketuai Azuana Hashim, dengan modal RM600 dikeluarkan setiap seorang daripada 13 wanita terbabit.

Di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, projek berkenaan dipercayai



Razman menerima kertas kerja permohonan bina kandang dan celung daripada bendahari projek penternakan, Norzihan Saidin di Lenggong, kelmarin. (Foto Mohd Rashidi Yusof/BH)

satu-satunya di negara ini yang diusahakan kumpulan penternakan wanita sepenuhnya.

Azuana memaklumkan, selepas kira-kira tujuh tahun dan dengan jumlah ternakan yang semakin bertambah, mereka memerlukan modal lebih besar untuk membina kandang baharu serta celung bagi memudahkan

usaha menangkap ternakan yang hendak dijual.

"Kami memerlukan sebuah kandang serta celung baharu bagi menggantikan kandang lama yang rosak. Bagi memudahkan kerja menangkap lembu di dalam padang besar, kami perincikan kandang kecil, manakala kandang sedia ada rosak dan tidak boleh

digunakan lagi.

"Pembinaan kandang baharu memerlukan perbelanjaan yang anggarannya lebih RM30,000. Bagi membuka padang ragut baharu, kami belum mampu kerana kedudukan kewangan yang belum kukuh.

"Dengan tenaga wanita sahaja, sudah tentu kami perlukan beberapa kemudahan lebih baik bagi memudahkan kerja, terutama untuk menangkap ternakan yang hendak dijual," katanya.

Beliau yang ditemui pada majlis lawatan Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria kelmarin, berkata mereka memohon peruntukan RM36,000 termasuk RM6,000 untuk kos selenggaraan kawasan seluas lapan hektar itu.

Sementara itu, Razman berkata, beliau akan memberi keutamaan kepada permohonan persatuan berkenaan untuk dipanjangkan ke peringkat atas.

"Walaupun diusahakan kumpulan wanita, projek ini ada potensi membangun lebih maju dan akhirnya pun ada kesungguhan," katanya.



Che Rosmadi memotong tayar untuk dijadikan pasu.



Pasu bunga daripada tayar terpakai yang menjana pendapatan lumayan buat Che Rosmadi di Kampung Rambai, Pendang. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Pasu tayar terbuang jana pendapatan

Pendang: Pernah hilang kerja serentak ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu sehingga terpaksa mendapatkan makanan dari masjid, sepasang suami isteri menjadikannya pendorong untuk bangkit mengubah kehidupan.

Bermula secara kecil-kecilan Che Rosmadi Che Othman, 41, dan isteri, Nor Shamsimah Saleh, 42, menghasilkan pasu daripada tayar terbuang demi membesarkan lapan anak masih bersekolah.

Che Rosmadi yang pernah bekerja sebagai juruteknik dan is-

terinya yang mencari pendapatan sebagai pembantu kedai makan sebelum kedua-duanya kehilangan kerja, mampu meraih pendapatan antara RM5,000 hingga RM7,000 sebulan.

"Saya dan isteri hilang kerja serentak ketika PKP pada Mac tahun lalu. COVID-19 sangat memberi kesan kepada kehidupan kami sekeluarga.

"Saya terpaksa mendapatkan makanan di masjid demi kelangsungan hidup kami anak beranak. Hanya Tuhan tahu perasaan ketika itu, memang sedih sehingga duit untuk beli makanan pun

tiada," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Rambai, Mukim Bukit Raya, di sini.

Che Rosmadi atau lebih dikenali dengan panggilan Edy, berkata dia kemudian cuba mencari pendapatan dengan membuat pasu daripada tayar terbuang selepas mendapat idea menerusi YouTube dan menerima tempahan daripada rakan dan jiran.

"Pada hujung April tahun lalu, saya mula menerima tempahan. Alhamdulillah, hasil kerja saya turut mendapat tempahan daripada sekolah, balai polis dan pelanggan dari daerah lain hasil

promosi di media sosial.

"Ramai yang mengisi masa ketika PKP dengan menghias laman rumah, sekolah dan pejabat. Saya jual dengan harga mampu milik antara RM10 hingga RM50 bagi setiap unit pasu tayar itu," katanya menambah, dia sangat bersyukur apabila tempahan pasu itu tidak pernah putus.

"Saya berharap mereka yang hilang kerja ketika COVID-19 tidak putus asa, boleh cuba bidang baharu, mula berniaga dengan modal rendah dahulu kerana boleh berjaya jika ada kemahuan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2021	MINGGUAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Kedah hilang status Negeri Jelapang Padi jika makin banyak bendang dimajukan

35,000 hektar sawah 'hilang'

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaidnoor@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Seluas kira-kira 35,000 hektar kawasan sawah padi di negeri ini dikesan 'hilang' selepas ditukar kepada kegunaan lain seperti pembangunan infrastruktur, komersial dan perumahan dalam tempoh 10 tahun lalu.

Jumlah kawasan sawah yang tinggal sekarang dianggarkan seluas 270,000 hektar termasuk 100,685 di kawasan Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) tetapi dari tahun ke tahun ia dikhuatiri terus berkurangan.

Berikutan kehilangan 35,000 hektar kawasan tanaman padi tersebut, pengeluaran padi Kedah juga dianggarkan mengalami penyusutan kira-kira 350,000 tan setahun yang bersamaan nilai RM420 juta.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perusahaan Perladangan, Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, Azman Nasrudin berkata, kepesatan pembangunan di negeri ini mengakibatkan kawasan sawah padi terkesan kerana banyak dibangunkan dengan aktiviti komersial.

Bersejarah di muka 2



Anak Orang Asli sertain PdPR

ANAK-ANAK Orang Asli suku Kensiu berkongsi telefon pintar bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di Kampung Lubuk Legong, Baling semalam.

Bagaimanapun, sesi persekolahan secara dalam talian tersebut menyebabkan anak-anak Orang Asli sukar menyertai PdPR kerana tiada peranti dan capaian internet lemah di kawasan kediaman mereka.
- MINGGUAN/
SHAHIR NOORDIN
(Berita muka 9)

Minda
Pengarang

AZNAN BAKAR

Jangan ganggu
sawah padi

NASI adalah makanan asasi penduduk negara ini. Pada sesetengah orang, dia dianggap belum makan jika belum makan nasi pada hari itu. Nasi dihasilkan daripada beras, beras diperolehi daripada padi dan untuk menghasilkan padi kita memerlukan sawah.

Secara keseluruhannya di seluruh negara terdapat kira-kira 270,000 hektar sawah yang ditanam dengan padi yang menghasilkan kira-kira 1.8 juta tan metrik beras setahun. Itu pun masih belum mencukupi kerana rakyat Malaysia memerlukan 2.7 tan metrik setahun.

Baki kira-kira 33 peratus lagi beras yang diperlukan oleh rakyat negara ini kita import terutama daripada negara-negara rakan Asia Tenggara seperti Vietnam, Thailand dan Myanmar.

Beras adalah sumber makanan utama di negara ini, sebarang pengurangan dalam bekalan sudah tentu akan menjejaskan keselamatan makanan negara. Tapi apa yang membimbangkan ialah untuk menghasilkan beras kita memerlukan sawah. Tetapi saban tahun jumlah sawah semakin berkurangan.

Agak mengejutkan apabila Exco Kerajaan Negeri Kedah mendedahkan dalam tempoh 10 tahun lalu kira-kira 35,000 hektar tanah sawah dalam kawasan Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) 'hilang' di telan pembangunan.

Sawah seluas itu boleh mengeluarkan 350,000 tan beras yang sudah tentu dapat membantu mengurangkan pergantungan kepada import sekurang-kurangnya 40 peratus lagi. Tetapi kerana sikap ambil mudah dan tidak ada langkah khusus untuk menghalang penukaran status tanah sawah kepada komersial menyebabkan keselamatan makanan negara menjadi taruhan.

Tidak dinafikan Kedah juga perlu berkembang dari segi pembangunan. Perlu ada kawasan perindustrian bagi menyediakan pekerjaan kepada penduduk dan kawasan perumahan. Namun, jangan sampai mengorbankan kawasan pengeluaran padi. Lembangan Muda yang menjadi jelapang padi utama negara tertumpu di daerah Pendang, Kubang Pasu, Yan, Kota Setar selain di Perlis dan Seberang Prai.

Kawasan ini perlu dilindungi daripada apa sahaja elemen yang boleh menjejaskan pengeluaran beras. Selain kerajaan negeri Kedah, kerajaan pusat juga perlu memainkan peranan termasuk kemungkinan meminda akta bagi memastikan sawah padi tidak boleh ditukar rupa bentuknya dalam apa keadaan sekali pun.

Untuk pembangunan, Kedah masih mempunyai banyak lagi daerah lain yang berpotensi tanpa menjejaskan kawasan jelapang padi. Pembangunan sama ada perindustrian atau perumahan boleh difokuskan kepada daerah yang kurang sensitif seperti Kulim, Kuala Muda, Sik, Baling, Pokok Sena dan Padang Terap.

Sesuai perlu dilakukan untuk selamatkan kawasan pengeluaran padi daripada terus menyusut dan mengancam keselamatan makanan negara.

Aznan Bakar adalah Pengarang Minggu Minda Malaysia/
Utusan Malaysia.



ANTARA kawasan sawah di Langgar, Alor Setar yang ditukar status kegunaan untuk projek perumahan. - MINGGUAN/SHAHIR NOORDIN

35,000 hektar sawah 'hilang'

Dari muka 1

Menurut beliau, keadaan tersebut lebih buruk apabila semakin ramai generasi baharu tidak minat mengusahakan tanaman padi yang dianggap tidak menguntungkan.

Katanya, status Kedah sebagai Negeri Jelapang Padi juga bakal tergugat jika tiada tindakan mengawal penjualan tanah sawah atau memberi semangat kepada anak muda mengusahakan tanaman padi.

Selain itu, Azman memberitahu, kebanyakan kawasan sawah di Kedah banyak yang terletak di kawasan strategik iaitu di pinggir bandar yang sudah tentu harga yang ditawarkan pemaju tinggi.

"Semakin ramai tidak minat

tanam padi, sawah yang ada pula di kawasan strategik jadi boleh dijual dengan harga tinggi.

"Semua ini mempengaruhi penyusutan pengeluaran padi dan Kedah akhirnya boleh hilang status Negeri Jelapang Padi," katanya.

Kata beliau, tinjauan dalam tempoh 10 tahun ini, pihaknya mendapati sehingga 35,000 hektar tanah sawah berkenaan sudah bertukar untuk pembangunan dan perumahan.

"Untuk itu, kita akan mengambil beberapa inisiatif bagi membendung pengambilan tanah sawah untuk pembangunan, sekali gus memperlahankan Kedah sebagai Negeri Jelapang Padi," kata beliau.

Tinjauan Utusan Malaysia mendapati antara kawasan

sawah yang 'hilang' ialah di sekitar Kota Setar, Kubang Pasu dan Pendang.

Tambah Azman, kerajaan negeri akan membuat penelitian berhubung isu tersebut untuk menyelamatkan kawasan sawah terutamanya yang dimiliki individu.

"Sebagai contohnya, kita mungkin meletakkan kriteria sejumlah hektar tanah tidak boleh diganggu gugat demi memastikan kelangsungan sawah padi," katanya.

Selain itu, tambah beliau, kerajaan negeri juga akan berbincang dengan kerajaan pusat untuk mengambil langkah lebih komprehensif dalam usaha mengekalkan kawasan sawah dan seterusnya menjaga pengeluaran beras.

Waktu Solat



Renungan

	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:25	1:34	4:55	7:29	8:41
Alor Setar	6:25	1:34	4:55	7:29	8:41
Pulau Pinang	6:25	1:34	4:56	7:30	8:42
Ipoh	6:21	1:32	4:54	7:29	8:41
Kuala Lumpur	6:18	1:30	4:51	7:28	8:40
Shah Alam	6:18	1:30	4:51	7:28	8:40
Johor Bahru	6:06	1:21	4:42	7:21	8:33
Kuantan	6:11	1:24	4:45	7:22	8:30
Seremban	6:14	1:28	4:49	7:27	8:39
Bandar Melaka	6:13	1:27	4:48	7:26	8:38
Kota Bharu	6:18	1:27	4:48	7:22	8:30
K. Terengganu	6:13	1:23	4:44	7:19	8:31

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.

- Surah Ar Rum Ayat 22

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Penyusutan keluasan sawah padi sudah lama berlaku

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
 utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Isu penyusutan jumlah keluasan sawah padi di negeri ini bukanlah sesuatu yang baharu, sebaliknya telah berlaku sejak lebih 10 tahun lalu.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Md. Zain berkata, pihaknya telah beberapa kali membangkitkan perkara itu termasuk bertemu Pengerusi MADA baharu, Ahmad Tarmizi Sulaiman.

Menurutnya, sekiranya perkara tersebut tidak diberi perhatian, hasrat kerajaan meningkatkan tahap sara diri (SSL) padi melebihi 70 peratus, sudah boleh dilupakan.

"Perkara ini perlu diberi perhatian kerana melibatkan keselamatan makanan negara. Ketika tanah kian berkurang, bagaimana kita mahu pastikan pergantungan kepada beras import dapat dikurangkan.

"Maka kerajaan perlu bertegegas dengan mewujudkan satu dasar baharu melarang kawasan tanaman padi daripada menjadi kawasan industri atau perumahan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

HARGA tanah sawah berhampiran bandar yang tinggi, selain isu tanah pusaka antara punca keluasan bendang di Kedah semakin mengecil.



Katanya, di Kedah terdapat isu besar yang perlu diberi perhatian iaitu tanah sawah berstatus pusaka yang terpaksa dijual bagi memudahkan pengagihan kepada waris.

"Ada waris yang mempunyai ramai anak tetapi tanahnya kecil. Jadi untuk memudahkan peng-

agihan, jual sajalah.

"Lagi pula nilai tanah sawah yang berada berhampiran kawasan bandar mencecah harga mahal dengan saya difahamkan ada yang mencecah jutaan ringgit serelung. Jadi sesuatu harus dilakukan bagi memastikan perkara sebegini tidak berteru-

san," katanya.

Tambahnya, tidak adil untuk mana-mana pihak menyalahkan golongan muda kononnya mereka tidak berminat mengusahakan sawah hingga menyebabkan tanah-tanah tersebut dibangunkan menjadi kawasan industri mahu pun perumahan.



HANG TUAH menelakan penyelidikan di UPM tidak akan bermula tanpa kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam usaha memperingkatkan lagi industri makanan di negara ini.

Bersedia hadapi krisis makanan

PENULARAN pandemik Covid-19 di seluruh dunia ketika ini memberi kesan buruk kepada pelbagai aspek kehidupan. Ia berikutan langkah kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13 Januari lalu di seluruh negara kecuali Sarawak dalam usaha memutuskan rantaian virus. Semasa pelaksanaan PKP, pergerakan orang ramai terutamanya merentas negeri terbatas untuk tujuan penting dan kecemasan, manakala aktiviti rentas daerah, negeri dan sempadan negara dilarang. Situasi ini menyebabkan pelbagai sektor ekonomi terjejas seperti pelancongan, perhotelan, penerbangan dan perniagaan kecil. Industri berasaskan keselamatan makanan juga berada pada tahap membimbangkan apabila kebanyakan negara di dunia enggan mengeksport barangan makanan disebabkan kekurangan bekalan.

Justeru sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi (IPT) yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam usaha melakukan penyelidikan terutamanya berkaitan pembangunan pertanian.

UPM juga dipertanggungjawabkan untuk melahirkan graduan berpengetahuan tinggi dalam bidang pertanian bagi membolehkan lebih banyak ladang berskala besar dibuka selepas ini.

Wartawan Kosmo!
Ahd, MOHD. SHAZWAN YUSOP berpeluang menemu bual Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Hang Tuah Baharudin bagi mengulas kerjasama antara UPM dengan industri dan komuniti dalam usaha memastikan keselamatan makanan terjamin.

KOSMO! AHAD: Apakah peranan tuan sebagai timbalan naib canselor berkaitan jaringan industri dan masyarakat di UPM?

HANG TUAH: Peranan saya di sini adalah untuk membantu pihak UPM memperbanyakkan kerjasama dengan pihak luar seperti industri berasaskan makanan dan komuniti.

Kerjasama ini diharap mampu menegakkan hasil-hasil penyelidikan dan modal insan yang dikeluarkan oleh pihak UPM sendiri. Sekiranya tidak ada kerjasama seperti ini, hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pakar-pakar akan berakhir di atas rak-rak buku sahaja.

Antara kerjasama yang boleh dilakukan merangkumi aspek penyelidikan, usaha sama, perkongsian ilmu dan tanggungjawab sosial korporat.

Kerjasama ini secara tidak

langsung memberi manfaat kepada industri terbahit menerusi pertambahan hasil pengeluaran sumber makanan.

Sementara komuniti pula akan mendapat manfaat melalui peningkatan taraf hidup mereka berbanding sebelum ini.

Sejauh manakah tuan melihat kerjasama UPM dengan pihak industri berkaitan makanan ketika ini?

Buat masa ini, kerjasama UPM dengan pihak industri masih boleh dipertingkatkan lagi.

Saya tidak menyalahkan pihak industri dalam hal ini kerana bukan tugas mereka untuk mencari penemuan-penemuan baharu yang telah dilakukan oleh para penyelidik kami.

Justeru, kami perlu terus berusaha untuk meningkatkan kerjasama dengan industri bagi membolehkan keterlihatan UPM sebagai peneraju dalam aspek pertanian di negara ini.

Antara kerjasama yang telah dilaksanakan oleh UPM dengan pihak industri ketika ini termasuklah merangka kerjasama teknologi dalam sistem pertanian pintar, pendigitalan pertanian serta membangunkan aplikasi pertanian bersama beberapa organisasi penting dalam negara.

Antara organisasi tersebut adalah seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Micron Malaysia, Axiata, Signify Malaysia, Mr.DIY dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

Bagaimana pula kerjasama antara UPM dengan komuniti dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan mereka?

Sebagai universiti awam, kami juga mempunyai tanggungjawab besar kepada masyarakat di luar sana terutamanya komuniti setempat.

Dalam usaha membentuk jaringan dengan komuniti, kami telah menggariskan beberapa program yang boleh dilakukan bersama mereka seperti aspek pertanian dan kesihatan.

UPM boleh mempraktikkan kaedah *initial survey* bagi mendapatkan



Kita bimbang sekiranya suatu hari nanti negara-negara ini enggan mengeksport sumber makanan mereka ke Malaysia. Sekiranya itu berlaku, ia akan menyebabkan bekalan dalam pasaran terjejas sehingga mendorong kepada peningkatan harga makanan."

data asas berkaitan maklumat sesebuah komuniti bagi mengetahui permasalahan dialami mereka selama ini.

Selepas mengetahui permasalahan tersebut, ia dapat memudahkan pihak universiti menyantuni komuniti.

Antara program yang telah dijalankan oleh pihak UPM bersama komuniti termasuklah perkongsian ilmu berkaitan pertanian bandar, kitar semula dan rawatan air.

Menerusi kerjasama ini, secara tidak langsung membolehkan komuniti setempat merasai impak kewujudan UPM.

Apakah usaha dilakukan oleh UPM bagi membantu meringankan masalah yang dialami oleh komuniti akibat Covid-19?

Kami di UPM mempunyai seramai 30,000 pelajar di seluruh negara.

Kami sentiasa memikirkan cara terbaik untuk membantu komuniti dengan memanfaatkan tenaga dan kemahiran pelajar terbabit.

Justeru, kami berhasrat mewujudkan platform pemasaran bagi membantu usahawan kecil dan sederhana di seluruh negara.

Kami akan menggunakan khidmat pelajar untuk mendapatkan informasi berkaitan peniaga di kawasan mereka sebelum dimuat naik ke platform disediakan.

Ini secara tidak langsung membantu peniaga yang terjejas menjual produk secara online.

Apakah pendekatan pihak tuan bagi membolehkan aktiviti dijalankan dalam norma baharu?

Meskipun berlaku banyak kekangan akibat Covid-19, UPM tetap optimis dalam melaksanakan setiap program yang dirancang.

Antara pendekatan yang diambil adalah menjalankan sesi perkongsian secara dalam talian.

Menerusi kaedah ini, para peserta

UPM kata Hang Tuah, sentiasa membantu komuniti setempat meningkatkan taraf hidup dengan pelbagai program seperti projek tanaman berasaskan pengetahuan dalam teknologi terkini bagi mendapatkan hasil berlipat ganda.



boleh berinteraksi dengan pensyarah, penyiddik, dan pegawai kami menerusi Facebook dan Webex.

Kami juga memanfaatkan platform YouTube dengan memperbanyakkan video pendek berkaitan pertanian dihasilkan pakar-pakar di UPM.

Ini membantu memudahkan pihak industri atau komuniti mendapat input diperlukan terutamanya berkaitan bidang pertanian.

Boleh tuan ceritakan keadaan sebenar keselamatan makanan di Malaysia ketika ini?

Isu keselamatan makanan berada pada tahap membimbangkan ketika ini memandangkan sebahagian besar sumber makanan negara diimport.

Pada tahun lalu, dianggarkan nilai import makanan negara mencecah RM40 bilion.

Antara sumber makanan yang diimport termasuk beras, bawang, cili, daging lembu dan sayur-sayuran.

Kita bimbang sekiranya suatu hari nanti negara-negara ini enggan mengeksport sumber makanan mereka ke Malaysia. Sekiranya itu berlaku, ia akan menyebabkan bekalan dalam pasaran terjejas sehingga mendorong kepada

peningkatan harga makanan.

Kita sepatutnya mengurangkan kebergantungan sumber import memandangkan negara mempunyai cuaca yang baik untuk pertanian dalam memenuhi permintaan bekalan dalam negara.

Apakah usaha yang boleh dilakukan oleh UPM bagi membantu negara mengatasi masalah keselamatan makanan ini?

Dalam mengatasi masalah ini, kami akan terus berusaha melahirkan lebih ramai graduan berteknologi tinggi dalam bidang pertanian.

Dengan lahirnya graduan-graduan ini, diharap lebih banyak ladang-ladang pertanian berskala besar akan dibuka, sekali gus dapat membantu meningkatkan sumber bekalan makanan negara.

Dalam usaha melahirkan lebih ramai graduan berteknologi tinggi, kerajaan perlu bersedia memperuntukkan dana khas kepada UPM.

Kami turut menjalinkan kerjasama dengan dua kerajaan negeri yang sedia memperuntukkan sebidang tanah untuk projek pertanian menggunakan kepakaran UPM.

IMPORT sumber makanan perlu dikurangkan kerana negara mempunyai cuaca yang baik untuk pertanian. — GAMBAR HIASAN



EKSTRA

PROF. DR.
HANG TUAH
BAHARUDIN

• **Umur:** 43 tahun

• **Jawatan:**
Timbalan
Naib Canselor
UPM (Jaringan
Industri dan
Masyarakat)

• **Asal:** Kampar,
Perak

• **Pendidikan:**
Ijazah Doktor
Falsafah dalam
Kejuruteraan
Pengilangan
dan
Pengurusan
Industri
daripada
Universiti
Liverpool,
England